

BULETIN
Geo**spatial**
Negeri Perak
Edisi 1/2016



GEOGRAPHIC INFORMATION SYSTEM

Dari Meja Penasihat

Assalamualaikum w.b.t , Salam Sejahtera dan Salam Perak Amanjaya,

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, Buletin Geospatial Negeri Perak Edisi 1/2016 dapat diterbitkan dengan jayanya. Terima kasih kepada sidang redaksi yang bertungkus lumus dalam memastikan buletin ini menemui pembacanya.

Memandangkan minat yang tinggi telah ditunjukkan oleh pelbagai jabatan / agensi terhadap teknologi GIS, ianya merupakan faktor pendorong kepada sidang redaksi untuk meneruskan usaha dalam menyebarkan dan mengumpulkan maklumat khusus berkaitan GIS.

Kandungan buletin kali ini merangkumi empat (4) rencana teknikal iaitu Info Teknologi Maklumat (IT) yang menitikberatkan isu keselamatan rangkaian tanpa wayar (Wireless LAN), pengenalan daerah Muallim, Modul Perindustrian dan Modul Tanah Lapang & Rekreasi dalam Peta Interaktif PerakGIS dan penggunaan Map Composer dalam perisian QGIS 2.12. Aktiviti-aktiviti Unit PerakGIS sepanjang bulan Januari hingga Mei 2016 turut dimuatkan dalam edisi kali ini.

Mini Karnival Merakyatkan Teknologi eDesa merupakan salah satu program yang dianjurkan oleh Unit PerakGIS dengan kerjasama KPerak Corporation. Mini karnival ini diadakan sempena program pemukiman Y.A.B Menteri Besar Perak ke Daerah Kerian. Ia telah disempurnakan oleh ADUN Lintang, Datuk Zolkafly Harun. Mini Karnival ini bertujuan untuk mempromosikan eDesa secara menyeluruh di kalangan penduduk kampung.

Kelestarian penerbitan ilmiah ini harus dilihat sebagai satu usaha murni dalam mempromosikan pengetahuan berkaitan geospatial kepada pengguna geospatial. Saya berharap segala inisiatif yang diambil oleh Unit PerakGIS ini dapat mempromosikan aktiviti geospatial pada tahap yang lebih meluas dan dimanfaatkan oleh semua pihak.

Sekian Terima Kasih & Selamat Membaca



Rohani binti Md Hashim
Pengarah,
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa,
Perak Darul Ridzuan.

SIDANG REDAKSI

Penasihat

Rohani binti Md Hashim

Ketua Editor

Khairil bin Khalid

Editor

Nur Aznim binti Mohamed Azizi

Nurul Safinah binti Mohd Shahairi

Mohd Hafiz bin Mohd Ghazali

MENARIK DIDALAM

INFO GIS

PETA INTERAKTIF PERAKGIS

QUANTUM GIS

INFO IT

AKTIVITI

ISNIN, 11 JANUARI 2016
Terbitan Berita Harian

Muallim Rasmi Menjadi Daerah ke-11 di Perak

TANJUNG MALIM: Daerah Muallim hari ini secara rasmi diisytiharkan sebagai daerah baharu, menjadikannya daerah ke-11 di Perak.

Pengisytiharannya disempurnakan oleh Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah, di Dewan Seri Tanjung Majlis Daerah Tanjung Malim (MDTM), pagi ini.

Daerah ke-11 itu diwartakan pada 1 Oktober tahun lalu selepas mendapat kelulusan Kabinet pada 10 April 2015 manakala Sultan Nazrin memberi perkenan Muallim sebagai nama daerah baharu berkenaan.

Pengwujudan daerah baharu itu adalah susulan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO) kira-kira tiga tahun lalu untuk menaik taraf daerah kecil Slim River/Tanjung Malim kepada daerah penuh.

Kawasan berkeluasan 93,434.65 hektar itu meliputi tiga mukim iaitu Slim, Ulu Bernam Barat dan Ulu Bernam Timur dengan antara kawasan terbabit seperti Tanjung Malim, Trolak, Slim, Proton City dan sebahagian Behrang yang sebelum ini berada dalam pentadbiran daerah Batang Padang.

Daerah yang berkepadatan penduduk 69,639 orang itu berada dalam Parlimen Tanjung Malim dengan dua Dewan Undangan Negeri iaitu Slim dan Behrang.

Sultan Nazrin bertitah, perkataan Muallim diambil daripada perkataan Arab berkaitan ilmu dan ilmuwan yang bermaksud orang yang ahli dalam bidang agama.


Ia bertepatan dengan nama Muallim sebagai nama daerah ini berdasarkan sejarah penubuhan Maktab Perguruan Sultan Idris (SITC) di sini pada 29 November 1922.

"SITC menjadi pusat ilmu dan pengajian tinggi tempatan untuk anak Melayu era pra-merdeka."

"Di sinilah lahir cerdik pandai Melayu yang meniupkan nasionalisme bangsa dan perjuangan menuntut kemerdekaan," titah baginda.

Selanjutnya di :

<http://www.bharian.com.my/node/113170>



Rajah diatas menunjukkan Daerah Muallim

Sambungan dari edisi 2/2015

Perindustrian

Modul ini mengandungi maklumat lokasi Zon Perindustrian di Negeri Perak. Unit PerakGIS masih dalam proses untuk mendapatkan data bagi pengkelasan Zon Perindustrian. Untuk makluman pembaca, perisian modul ini hanya dapat diakses oleh pihak Pengurusan Tertinggi sahaja.



Rajah 1 : Paparan Lokasi Zon Perindustrian di Daerah Kinta iaitu Kawasan Perusahaan Keledang Utara, Kawasan Perusahaan Keledang, Kawasan Perusahaan Mengelembu dan Kawasan Perusahaan Mengelembu Timur.

Tanah Lapang & Rekreasi

Modul ini mengandungi maklumat lokasi Tanah Lapang di Negeri Perak. Data ini di dibekalkan oleh JPBD Perak dan ia hanya dapat diakses oleh pihak Pengurusan Tertinggi sahaja.



Rajah 1 : Paparan Lokasi Tanah Lapang Taman Seroja & RPA 3 Slim River, bagi Daerah Muallim.




Rajah 2 : Paparan Lokasi Tanah Lapang Medan Klebang Restu & Taman Klebang Ria, bagi Daerah Kinta.

Penggunaan Map Composer menggunakan perisian QGIS 2.12

Untuk edisi pada kali ini kita akan mempelajari bagaimana mencetak peta atau menjadikan peta tersebut sebuah dokumen.

Langkah 1 : Add Vector Layer bagi peta yang anda kehendaki atau *Klik File – Open Project*


Pada *Menu Bar* QGIS 2.12, klik *Project* kemudian, klik *New Print Composer*. Apabila kotak dialog dipaparkan pengguna perlu menamakan sebagai *Composer 1* untuk disimpan. Klik OK.




Lihat pada panel sebelah kanan terdapat - *Tab Composition* : Pengguna boleh mengubah ukuran kertas, orientasi kertas, warna kertas dan kualiti gambar peta tersebut.

Rajah 1 : Paparan Muka *Composer 1* berjaya dihasilkan untuk membuat *layout* peta.

Langkah 2 : Menambah peta baru

Klik *layout* pada *menu bar print composer*, kemudian klik *add map*  . Pengguna klik pada sebelah kiri tetikus dan melakar menjadi bentuk segiempat sama kemudian, lepaskan tetikus tersebut.




Lihat pada panel sebelah kanan terdapat - *Tab Item Properties* : Pengguna boleh mengubah ukuran skala, membuat grid, mengubah kedudukan dan saiz, membuat *frame* dan mengubah warna latar belakang.


Rajah 2 : Menunjukkan paparan peta yang akan dicetak.

Langkah 3 : Menambah tajuk

Klik *layout* pada *menu bar print composer*, klik *add label*




.Sila rujuk rajah dibawah.



Rajah 3 : Tajuk Peta Pengangkutan Negeri Perak adalah sama seperti di bahagian *main properties*.

Lihat pada panel sebelah kanan terdapat : *Tab Item Properties - Label*


- a) Main Properties:
Menulis tajuk peta
- b) Apperance :
Mengubah jenis, saiz ketebalan tulisan, warna, *margin* dan *alignment*.
- c) Pengguna juga boleh mengubah kedudukan dan saiz, membuat *frame* dan mengubah warna latar belakang.




Langkah 4 : Menambah arah mata angin

Disini terdapat dua (2) cara iaitu :


1) Klik *layout* pada *menu bar print composer*, kemudian klik *add image*



sekiranya pengguna mempunyai gambar arah mata angin tersebut.




Lihat pada panel sebelah kanan terdapat: *Tab Item Properties - Picture*. Pengguna boleh memasukkan gambar, mengubah saiz dan kedudukan, membuat *frame* dan mengubah warna latar belakang.



2) Klik *arrow* untuk melakar arah mata angin



secara manual pada peta yang dipaparkan.



Lihat pada panel sebelah kanan terdapat : *Tab Item Properties - Arrow*. Pengguna boleh mengubah bentuk garisan, warna, kelebaran, saiz dan kedudukan, membuat *frame* dan mengubah warna latar belakang.




Langkah 5 : Menambah skala

Klik *layout* pada *menu bar print composer*, klik *add scale*



.Sila rujuk rajah dibawah.





Rajah 4 : Menunjukkan hasil pilihan jenis skala *Numeric*.

Lihat pada panel sebelah kanan terdapat : *Tab Item Properties - Scale bar*. Pengguna boleh mengubah bentuk jenis skala, jenis tulisan, warna, *alignment*, saiz dan kedudukan, membuat *frame* dan mengubah warna latar belakang.

Langkah 6 : Menambah petunjuk (legend)

Klik *layout* pada *menu bar print composer*, klik *add legend*




Rajah 5 : Menunjukkan hasil petunjuk (keterangan) yang telah dihasilkan.

Lihat pada panel sebelah kanan terdapat : *Tab Item Properties - Legend*.

- a) Main Properties:
Menulis tajuk *legend* dan mengubah *alignment*
- b) Pengguna boleh mengubah jenis tulisan, warna, jumlah *coloums*, jarak simbol dan tulisan, saiz dan kedudukan, membuat *frame* dan mengubah warna latar belakang.

Info : Tools Map Composer

Terdapat banyak *tools* untuk melakar *layout* peta. Ia bergantung kepada keperluan pengguna untuk merangka *layout* peta tersebut. Disini disertakan dua (2) *tools* yang tiada dalam keterangan sebelum ini iaitu :-



Add Shape


Ia diguna untuk menambah bulatan, segitiga dan segiempat. Ia digunakan untuk menambah salah satu bentuk geometri yang memberi *highlight* pada sesuatu objek di atas peta.




Add attribute table

Menambahkan jadual atribut. Ia digunakan untuk memaparkan maklumat *layer* peta tersebut.

Langkah 7 : Mencetak dan Menyimpan




Rajah 6 : Setelah melakukan enam (6) langkah penggunaan *map composer* , maka terhasillah *layout* Peta Pengangkutan Negeri Perak dihasilkan.



Pada *menu bar*, klik *Composer* dan membuat pilihan seperti rajah dibawah ;



Mencetak peta



Menyimpan gambar mengikut format (save as type) yang anda kehendaki.



Menyimpan gambar berbentuk grafik yang berformatkan .svg



Menyimpan peta dalam format .pdf

KESELAMATAN RANGKAIAN TANPA WAYAR (*WIRELESS LAN*)

Sejak kebelakangan ini, PC telah menjadi lebih ringan dan kompak, serta penggunaan telefon pintar menjadi lebih popular. Tahap penggunaan Rangkaian Tanpa Wayar (*Wireless LAN*) yang meluas membolehkan pengguna mengakses internet dimana-mana sahaja samada di rumah mahupun pejabat. Selain perkhidmatan berbayar yang disediakan oleh Penyedia Perkhidmatan Internet, penggunaan Wi-Fi awam secara percuma yang disediakan di lapangan terbang, stesen kereta api dan bangunan komersial juga turut meningkat.

RISIKO & ANCAMAN

Memandangkan penggunaan Rangkaian Tanpa Wayar (*Wireless LAN*) yang meluas dan terbuka, capaian komunikasi tersebut berisiko terdedah kepada pintasan oleh pihak yang berniat jahat, melainkan langkah-langkah keselamatan dan pencegahan telah diambil oleh pengguna.

Selain itu, pencerobohan terhadap Rangkaian Tanpa Wayar (*Wireless LAN*) mungkin menyebabkan kebocoran maklumat peribadi atau rahsia syarikat, dan ianya berpotensi digunakan sebagai landasan untuk serangan ke atas sistem rangkaian/komputer lain.

Apabila menggunakan perkhidmatan Wi-Fi awam, PC atau telefon pintar anda mungkin disambung ke Rangkaian Tanpa Wayar (*Wireless LAN*) yang palsu. Sekiranya ini berlaku, sesi capaian dan komunikasi anda bermungkinan besar sedang diperhatikan.

LANGKAH KESELAMATAN

Pastikan tetapan keselamatan capaian *router* Wi-Fi anda ditetapkan kepada tetapan seperti WPA2 (*Wi-Fi Protected Area Access 2*) dan sebagainya. Ini memastikan capaian komunikasi sukar untuk dipintas serta menghalang capaian yang tidak dibenarkan. Apabila menetapkan tetapan enkripsi secara manual, pastikan penggunaan aksara secara rawak dengan bilangan aksara yang bersesuaian.

Apabila menggunakan perkhidmatan Wi-Fi awam, sila gunakan laman sesawang berformat SSL*4 (laman sesawang URL yang bermula daripada "https://") sahaja dan sila nyahaktifkan tetapan perkongsian fail di peranti anda sebelum menggunakan perkhidmatan Wi-Fi awam tersebut.

*4 - SSL adalah singkatan kepada Lapisan Soket Selamat (*Socket Secure Layer*) yang merupakan protokol untuk menyamarkan data yang dihantar di laman sesawang.

AKTIVITI UNITPERAKGIS DARI JANUARI HINGGA MEI

Nama : Taklimat Penggunaan Aplikasi Peta Interaktif PerakGIS kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Perak.

Tarikh : 5 Januari 2016

Tempat : Ibu Pejabat Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Perak



Nama : Taklimat & Pengemaskinian Sempadan Kampung Daerah Hilir Perak (e-Desa)

Tarikh : 18 Januari 2016 - 18 April 2016


Masa : 8.00 pagi - 5.00 petang



Nama : Bengkel Penggunaan Sistem Maklumat eDesa Daerah Kerian
 Tarikh : 4 April 2016 - 21 April 2016
 Masa : 8.00 pagi - 5.00 petang



Nama : Bengkel Penggunaan QGIS bagi Pemetaan Tanah Wakaf MAIPk
 Tarikh : 12 & 13 April 2016
 Masa : 8.00 pagi - 5.00 petang



Nama : Bengkel Penggunaan Sistem Maklumat eDesa Daerah Selama
 Tarikh : 3 Mei 2016 - 5 Mei 2016
 Masa : 8.00 pagi - 5.00 petang



Nama : Taklimat & Pengemaskinian Sempadan Kampung Daerah Larut Matang
 Tarikh : 3 Mei 2016 - 17 Mei 2016
 Masa : 8.00 pagi - 5.00 petang



Nama : Bengkel Penggunaan Sistem Maklumat eDesa Daerah Hulu Perak
 Tarikh : 9 Mei 2016 - 18 Mei 2016
 Masa : 8.00 pagi - 5.00 petang



Nama : Mini Karnival Merakatkan Teknologi e-Desa
 Tempat : Dewan Serbaguna Batu 5, Parit Buntar
 Tarikh : 19 Mei 2016
 Masa : 8.00 pagi - 1.00 tengahari





